

TR: 1:5:65

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PER-  
JUMPAAN DENGAN KETUA-KETUA DAN PARA  
PERWAKILAN DARIPADA PERTUBUHAN KEBANG-  
SAAN SABAH BERSATU DI JESSELTON, SABAH PADA  
2 MEI, 1965

Tuan Yang di-Pertua USNO, Tuan Yang Terutama Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, Yang di-Pertua Negeri Sabah, Yang Mulia Toh Puan Rahmah, Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah<sup>1</sup>, Yang Berhormat Menteri-Menteri, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang hadir. Saya berasa amat sukacita dan syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala, kerana dapat melihat negeri Sabah pada tiga hari yang lalu dan dapat pula pada malam ini berjumpa dengan ketua-ketua dan para perwakilan daripada Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu, atau USNO. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan para perwakilan daripada Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu, atau USNO. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan para perwakilan sekalian, kerana telah memberi saya suatu penghormatan yang besar dengan mengadakan temasya dan perjumpaan pada malam ini untuk memberi peluang kepada saya berjumpa dan berkenalan serta bertemu ramah dengan ketua-ketua dan ahli-ahli USNO sekalian.

Dan lagi saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, di atas ucapan yang telah diucapkannya sebentar tadi, untuk memberi selamat datang kepada saya di Sabah ini dan juga di atas kesukaan dan sambutan yang baik yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli USNO sekalian serta rakyat Sabah amnya di atas lawatan yang saya telah jalankan baharu-baharu ini di negara-negara Afrika dan juga Timur Tengah. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sekalian maklum, lawatan muhibbah yang telah saya jalankan itu, mula-mulanya di Afrika Utara, dan kemudian di Afrika Timur, ialah semata-mata untuk hendak memperkenalkan negara Malaysia ini dan untuk hendak menerangkan kedudukan pendirian dan dasar perjalanan negara muda kita. Syukur saya ke hadrat Tuhan, bahawa di dalam lawatan-lawatan saya itu telah mendapat sambutan yang meriah daripada ketua-ketua dan pembesar-pembesar dalam negara-negara itu yang sangat memuaskan hati saya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, oleh sebab dakyah-dakyah yang didatangkan oleh pihak musuh kita, terutama dari Indonesia dan agen-agennya, dan di setengah-setengah negeri di Afro Asia ini ada mempunyai kekurangan faham di atas kedudukan dan keadaan

<sup>1</sup>Encik Peter Lo.

di Tenggara Asia ini yang sebenar-benarnya. Saya telah dapat peluang menerangkan kepada negara-negara ini bahawa Malaysia sebagai negara yang muda yang baharu mencapai kemerdekaan, adalah mempunyai cita-cita dan hasrat sama juga dengan negara-negara Afro Asia yang lain. Kita di Malaysia adalah ingin kepada keamanan, suka hendak hidup berbaik-baik dan mempunyai perhubungan yang rapat dengan semua negara-negara di Afro Asia, supaya dapat kita bersama-sama menjalankan rancangan-rancangan untuk meninggikan taraf hidup rakyat, yang dahulunya di bawah cengkaman penjajahan, supaya mereka ini dapat hidup dengan keadaan yang lebih baik dan lebih bahagia lagi. Saya telah memberikan gambaran kepada negara-negara itu bahawa Malaysia adalah mempunyai dasar luai negeri yang tegas, tetap dan merdeka, iaitu dasar tidak menyebelah mana-mana pihak. Bahkan semata-mata hendak berbaik-baik dengan semua negara-negara dan suka hendak berbaik-baik dan bekerjasama, akan tetapi kita sekarang ini adalah diancam dan dicerobohi oleh negara tetangga kita Indonesia, iaitu negara yang lebih besar dan lebih kuat daripada kita. Dengan sebab itu mustahak kita mendapat bantuan dan pertolongan daripada luar, untuk menjaga keselamatan dan kemerdekaan tanahair kita.

Kita sekarang adalah menerima bantuan daripada Britain, Australia dan New Zealand, dan kita ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada negeri-negeri tersebut. Tetapi tidak pula kita semata-mata bergantung kepada negara-negara ini sahaja bahkan kita sedia menerima bantuan-bantuan daripada negara-negara yang lain, samada di dalam Komanwel atau pun dalam wilayah Afro Asia. Saya telah menawarkan kepada negara-negara Afrika supaya memberi pertolongan kepada kita, dalam apa cara pertolongan, samada pertolongan tentera, pertolongan wang, untuk membesarkan dan meluaskan tentera-tentera kita, dan untuk menjalankan rancangan-rancangan kemajuan dan juga pertolongan moral untuk menghadapi konfrantasi politik yang didatangkan oleh Indonesia terhadap kita.

Syukur saya di atas keterangan-keterangan yang telah saya berikan itu ada mendapat sambutan dan pengertian yang baik daripada negara-negara itu. Mereka itu telah menerangkan yang mereka itu menerima dan mengakui Malaysia sebagai negara yang merdeka dan berdaulat, dan mereka itu suka hendak mempunyai perhubungan baik dengan kita. Begitu juga mereka itu menyokong dan menerima kita sebagai satu negara yang patut bersama hadir dalam apa juga persidangan negara Afro Asia. Oleh itu akuan-akuan yang telah diberikan oleh penganjur-penganjur seperti: Presiden Nasser dari Republik Arab Bersatu, Presiden Jomo Kenyatta dari Kenya, Presiden Nyerere dari Tangayika, Perdana Menteri Uganda dan juga Presiden Ayub Khan dari Pakistan, Perdana Menteri Shasteri dari Indis dan Perdana Menteri Sanayake dari Ceylon. Jadi ini adalah menghapuskan semua sekali dakyah-dakyah Indonesia

yang mengatakan Malaysia ini bukan satu negara yang merdeka dan berdaulat. Negeri-negeri di Afrika dan Timur Tengah dan juga di Asia selain daripada Indonesia dan China Komunis ada menerima dan mengakui kita sebagai negara yang merdeka dan berdaulat. Dengan sebab itu dakyah-dakyah Indonesia tidaklah lagi diterima oleh negara-negara itu dan kita berharap Presiden Soekarno dan rakan-rakannya di Jakarta, faham bahawa konfrantasi yang dijalankannya terhadap kita itu tidak mendapat sedikit kesan sekalipun, dan sebaliknya adalah pula menyentuh rakan-rakannya Indonesia itu sendiri.

Negara-negara di Afrika sebagai negara yang baharu merdeka adalah menentang penggunaan kekerasan di antara bangsa. Dan mereka itu menyokong dan bergantung kepada dasar berbaik-baik di antara bangsa dan dasar hormat-menghormat kedaulatan dan kemerdekaan tiap-tiap satu negara. Inilah dasar dan cita-cita Malaysia sebenarnya yang patut disokong dengan sekuat-kuatnya inilah dia dasar yang terkandung di dalam Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan dasar yang terkandung dalam semangat Bandung, yang Indonesia sendiri anjurkan dan Indonesia baharu-baharu ini telah menyambut Ulang Tahun Yang Kespuluh. Inilah juga dasar yang Indonesia sendiri telah melanggar dengan terang-terang, sebab Indonesia adalah menggunakan kekerasan dan menceroboh sesuatu negara yang kecil yang sangat kurang kekuatannya daripada Indonesia sendiri. Jadi, inilah dia nya keterangan-keterangan yang sebenar yang telah dapat disampaikan kepada negara-negara Afrika dan Timur Tengah dan India.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kita berharap dan berdoa, mudah-mudahan kita akan dapat diterima bersama-sama hadir dalam Persidangan Afro Asia yang akan diadakan di Algeria tidak berapa lama lagi. Begitu juga Kerajaan kita berharap dan bercadang, hendak melanjut dan menyambungkan lagi keterangan-keterangan yang telah diberi itu dengan mengadakan kedutaan-kedutaan di Afrika Timur dan Afrika Barat dan juga di Afrika Utara, supaya kita dapat mempunyai perhubungan diplomatik dengan negara-negara yang baharu merdeka di Afrika itu, Dan dengan itu dapatlah kita bertukar-tukar fikiran dan dapat bersama-sama bantu-membantu di antara satu sama lain, dan dengan kesimpulannya mempunyai perhubungan yang erat dengan negara-negara itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya berasa besar hati dan bangga, oleh sebab menerima akuan taat setia, sokongan dan kerjasama daripada Tuan Yang di-Pertua, dan para perwakilan sekalian. Sabah telah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia, dan Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Perikatan yang didokong oleh USNO sendiri bercita-cita dan berazam bukan sahaja hendak mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita, bahkan bercita-cita dan berazam

hendak memperbaiki keadaan hidup rakyat supaya kemerdekaan yang kita capai itu akan memberi erti kata yang sempurna yang sama tingginya dengan taraf hidup yang telah dicapai oleh negara-negara yang lain yang telah merdeka dan berkemajuan.

Dalam lawatan saya ke Sabah pada kali ini, saya berasa puas hati berkenaan dengan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk menjamin keselamatan negara kita, tentera-tentera kita yang disokong dan dibantu oleh tentera-tentera Komanwel adalah menjalankan tugas mereka itu dengan semangat yang tinggi dan sangat memuaskan hati. Begitu juga saya telah mengambil peluang melihat perjalanan rancangan-rancangan kemajuan di Sabah ini, dan di sini saya belum-lah berapa puas hati lagi dan langkah-langkah ini akan diperkemas-lah lagi dan diperbaiki lagi dari masa ke semasa. Saya telah menyeru dan menggesa pegawai-pegawai Kerajaan di Sabah ini supaya bekerja dengan lebih giat dan lebih ikhlas lagi untuk melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara dan pembangunan luar bandar. Saya telah mengikhtiarkan betapa mustahaknya rancangan-rancangan yang sebenarnya dikehendaki oleh Rakyat Sabah, seperti rancangan kemajuan tanah, pembinaan jalanraya-jalanraya dan rancangan-rancangan untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada rakyat di kampung-kampung diberi keutamaan yang tinggi.

Tujuan kita dan rancangan pembangunan negara ini adalah hendak melaksanakan hasrat-hasrat dan kehendak-kehendak rakyat, supaya rakyat dapat mempunyai taraf hidup yang difikirkan patut sebagai warganegara yang merdeka dan berdaulat. Sekarang dengan persetujuan Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat telah dapat menghantar seorang pegawai kemajuan yang berpengalaman, untuk menjalankan rancangan-rancangan pembangunan di Sabah, dan saya harap lepas daripada ini rancangan-rancangan itu dapat diatur dan dilaksanakan dengan licin dan lebih sempurna. Saya berharap juga perkara mengenai pentadbiran kerajaan juga mengatur dengan lebih sempurna lagi supaya pegawai-pegawai kerajaan, baik pegawai-pegawai kanan di peringkat negeri dan juga pegawai-pegawai di peringkat jajahan di daerah-daerah, dapat melapangkan masa yang lebih lagi untuk melaksanakan rancangan-rancangan di kampung-kampung dan di tempat-tempat yang berjauhan dari bandar. Saya telah sebutkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan bahawa dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan ini ada satu sahaja perkara yang saya kehendaki iaitu kehasilan dan rancangan-rancangan yang ditulis di atas kertas atau yang disimpan di bilik-bilik pejabat itu tidak berguna kepada rakyat, melainkan dapat dilaksanakan dan dijalankan menurut kehendak dan hasrat rakyat. Sungguhpun demikian, syukur saya sedikit sebanyak adalah rancangan-rancangan pembangunan itu telah mula dijalankan, dan saya harap lepas

daripada ini dapat dijalankan dengan lebih giat lagi dan lebih berkesan lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, hari ini tuan-tuan dan puan-puan mengadakan Perhimpunan Agung USNO, dan saya percaya banyak lah perkara-perkara yang penting untuk parti dan untuk negara yang telah dibincangkan. Saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya menguatkan parti dan menguatkan USNO, manakala kuat USNO maka kuatlah Perikatan, kerana Kerajaan kita disokong oleh parti kita, kuat parti, kuatlah Kerajaan — lemah parti, lemahlah Kerajaan. Di dalam negara kita yang mempunyai penduduk-penduduk daripada berbagai-bagai kaum dan bangsa ini hanyalah parti yang mempunyai dasar seperti Perikatan sahaja yang boleh menjamin perhubungan baik dan fahaman yang baik di antara bangsa-bangsa yang duduk dalam negara ini. Di Malaya, Perikatan telah menjalankan pentadbiran negara, sudah dekat 10 tahun lamanya, dan dalam masa 10 tahun itu bukan sahaja negara kita telah mendapat mencapai kemajuan yang besar-besar, bahkan kita dapat menjamin perhubungan baik, persefahaman baik di antara bangsa-bangsa yang duduk dalam negara ini. Begitu juga dalam Malaysia, Perikatan adalah menjalankan dasar yang sama iaitu dasar menjaga kepentingan semua bangsa di negara kita — dasar berbaik-baik di antara satu dengan lain hanyalah dapat kita menjamin keselamatan dan ketenteraman negara, dapat kita mengadakan saling-mengerti dan fahaman yang baik di antara penduduk-penduduk negeri ini daripada berbagai-bagai bangsa, sehingga dapat kita menubuhkan suatu bangsa yang bersatu dan kuat. Ada kita dengar ura-ura pihak yang menentang parti kita hendak menubuhkan parti pembangkang yang berdasarkan Non-Communalism.

Saya telah sebutkan bahawa kepada negara yang berdasarkan demokrasi, kita tidak menentang penubuhan parti-parti pembangkang, asalkan perjalanan parti pembangkang itu ialah dengan tujuan hendak membina dan membaiki negara kita. Akan tetapi kita nampak dan kita dengar yang parti pembangkang seperti PAP sentiasa mengkritik hak-hak istimewa bumiputera dan orang-orang Melayu yang terkandung dalam Perlembagaan, sentiasa mengatakan yang kita Perikatan ini berfahaman perkauman. Percakapan-percakapan yang semacam ini akan menimbulkan perasaan salah faham di antara bangsa-bangsa, hak istimewa yang diberi kepada bumiputera dan orang-orang Melayu itu ialah hendak menjaga kepentingan orang-orang Melayu dan hendak memberi mereka itu tempat yang sempurna dalam negaranya sendiri. Jika perkara-perkara itu hendak dihapuskan tentulah orang-orang Melayu dan bumiputera itu mundur, dan akan hanyut di dalam negaranya sendiri, dengan sebab itu orang-orang Melayu dan bumiputera tidak boleh benarkan hak-hak istimewa itu dipinda dan diubah. Kalau parti-

parti pembangkang ini bermain api Communalism, tidak dapat tidak peristiwa yang tidak baik akan berlaku di negara kita. Jadi itulah sebabnya saya berharap penduduk-penduduk di Sabah ini dari semua bangsa faham bahawa keselamatan dan kemajuan negara kita ini bergantung di atas persefahaman yang baik di antara bangsa-bangsa dan hanyalah parti seperti Perikatan yang sebenarnya hendak menjaga kepentingan semua bangsa, menjaga persefahaman baik yang boleh menjalankan pentadbiran dengan aman dan tenteram. Dengan sebab itu mustahak' tuan-tuan dan puan-puan menguatkan parti kita, dan saya harap USNO bersama-sama dengan parti-parti yang lain dengan Perikatan Sabah akan menjalankan langkah untuk menerangkan dasar parti kita supaya rakyat seluruhnya faham dan mengerti dengan sesungguhnya. Saya dalam dua hari dahulu telah berjumpa dengan ketua-ketua Perikatan di sini, dan telah meminta mereka itu supaya bekerja kerana parti, kerana bangsa dan negara. Dan mustahaklah mereka itu menjauhkan perselisihan faham di antara satu dengan lain, begitu juga USNO sebagai parti yang terbesar sekali dalam Perikatan di Sabah ini, hendaklah menguatkan pertubuhannya supaya kalau USNO ini kuat maka Alliance Sabah ini pun menjadi kuat.

Tuan Yang di-Pertua, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kita adalah sedang menghadapi masa yang genting, kerana bukan sahaja kita terpaksa menghadapi ancaman dari luar, bahkan kita juga menghadapi ancaman dari musuh kita yang di dalam. Dengan sebab itulah parti kita mustahak mempunyai kekuatan yang sebenar-benarnya supaya dapat kita menjamin keselamatan keamanan dan kemakmuran bangsa dan negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sekian sahajalah ucapan saya pada malam ini dan sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua USNO di atas segala kejayaannya yang telah dicapai pada masa yang lalu, dan saya harap dengan adanya Perhimpunan Agong pada hari ini ketua-ketua dan ahli-ahli USNO sekalian akan membaharui semangat mereka itu dengan meneruskan perjuangannya dengan lebih giat lagi untuk bangsa dan negara.

Sekianlah sahaja saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada para hadirin sekalian, dan selamat berjuang dan berjaya.